

Oleh : DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABD RAZAK
Tempat : HOTEL THE LEGEND, KUALA LUMPUR
Tarikh : 23-06-2006
Tajuk : MAJLIS PERASMIAN KONVENSYEN ISLAM HADHARI
PERINGKAT KEBANGSAAN 2006

*"MENYINGKAP PERMASALAHAN UMMAH: PENYELESAIAN MELALUI PENDEKATAN
ISLAM HADHARI"*

Yang Berhormat Dato' Dr. Abdullah bin Md Zin,
Menteri di Jabatan Perdana Menteri;

Yang Berbahagia Profesor Dr. Mahmud Hamdy Zaqzouq,
Menteri Waqaf Mesir;

Yang Berhormat Datuk Mohd Shafei Apdal,
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna;

Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Hamid Othman,
Penasihat Agama Kepada YAB Perdana Menteri;

Yang Berhormat Timbalan-timbalan Menteri,

Yang Berusaha Dato' Haji Mustafa bin Abdul Rahman,
Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia;

Yang Berbahagia Duta-duta Asing,

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala kerana pada hari ini kita dapat berhimpun dalam Konvensyen Islam Hadhari anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia kerana menjemput saya ke Konvensyen Islam Hadhari Peringkat Kebangsaan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

1. Isu kemunduran dan kelemahan umat Islam telah lama dibincangkan semenjak abad ke 18 hinggalah ke hari ini. Namun begitu keadaan umat Islam masih tidak berubah, ketinggalan dan mundur berbanding negara - negara lain.

2. Kita terpaksa menerima hakikat bahawa di saat umat Islam terus lemah dan mundur, negara-negara bukan Islam baik di Amerika Utara, Eropah, Jepun dan Korea sedang membangun pesat memacu kemajuan dan pembangunan. Hari ini muncul pula gergasi baru China dan India yang sedang mengungguli kemajuan sains dan teknologi, menikmati kejayaan ekonomi, mendahului bidang R&D, memiliki kekuatan ketenteraan dan seterusnya meluaskan pengaruh politiknya ke atas negara-negara yang lain.

3. Justeru, kita perlu berusaha untuk keluar dari kemelut ini, supaya Malaysia dapat mencipta sejarahnya sendiri sebagai sebuah negara Islam contoh. Satu gagasan besar yang di bawa oleh YAB. Perdana Menteri adalah pendekatan Islam Hadhari. Satu pendekatan praktikal yang menarik kita keluar dari kongkongan dunia taklid dan ketaksuban melulu. Malah salah pengertian tentang konsep bidaah dan fardu kifayah turut menyumbang kepada kelemahan umat. Ini kerana dunia hari ini yang serba mencabar memerlukan kita bingkas bangun dengan satu anjakan pemikiran yang maju ke hadapan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

4. Namun begitu, semenjak YAB. Perdana Menteri menggagaskan konsep pendekatan Islam Hadhari kita dapati ada segelintir mereka yang masih kurang memahami dan memesongkan pendekatan yang murni ini dari tujuan yang sebenar. Oleh itu, perkara pokok yang perlu diperjelaskan kepada semua adalah Islam Hadhari bukanlah satu agama baru atau ajaran baru. Setelah berakhirnya perutusan para nabi dan rasul, tugas membimbing terhadap pemahaman agama Islam menjadi tanggungjawab para ulama dan para pemimpin.

5. Maksudnya, inti pati ajaran Islam sepertimana yang diturunkan oleh Allah SWT dan disampaikan oleh Rasulullah SAW tetap tidak akan diubah. Namun, konsep dan pendekatan kefahaman kita terhadap Islam itulah yang memerlukan pengolahan bersifat semasa/ up to date/ kontemporari menurut peredaran zaman serta keperluan terkini. Yang paling penting ianya tidak melanggar prinsip asas Tauhid sebagaimana digariskan Al-Quran dan Sunnah. Ini amat mustahak difahami kerana Islam itu adalah agama yang bersifat dinamik dan progresif. Ia bukanlah agama yang kaku dan jumud.

6. Memang benar menurut satu ayat dalam Al-Quran bahawa Allah SWT tidak terlepas pandang atau meninggalkan sesuatu hal pun dalam ajaran kitab Al-Quran (Al-An'am 6:38). Ini menggambarkan betapa syumul dan lengkapnya Al-Quran dalam menyentuh semua aspek kehidupan kita. Justeru ramai yang bertanya, apa perlu lagi konsep Islam Hadhari? Di sinilah, ulama-ulama menafsirkan bahawa sesungguhnya apa yang dimaksudkan dengan lengkap itu sebenarnya penditilan maklumat, prinsip, landasan dan kerangka besar (bigger picture) setiap perkara.

7. Dalam erti kata lain, maklumat, prinsip, landasan dan kerangka besar (bigger picture) yang digariskan di dalam Al-Quran itu menjadi panduan serta pedoman tetap yang membuka pintu dan memberi ruang seluasnya kepada kita untuk dihalusi dan dilaksanakan bersesuaian dengan tuntutan dan keperluan zaman.

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. Allah SWT mengulang-ulang dalam banyak ayat Al-Quran perkataan-perkataan seperti Ulul Absar (mereka yang melihat dengan pandangan mata kasar), Ulul Albab (mereka yang melihat dengan pandangan mata hati) dan ahlul Zikri (mereka yang berpengetahuan). Seruan kepada golongan-golongan ini, menunjukkan galakan yang bersungguh-sungguh untuk manusia terus berfikir, merencana dan menimba ilmu pengetahuan.

9. Pokoknya, kita tidak mahu menjadi umat Islam yang sempit kefahaman akhiratnya serta menyisihkan pula pencapaian di dunia. Walhal, sesiapa yang mementingkan akhirat, sepatutnya lebih kuat bekerja kerana kita perlukan keduanya. Tambahan pula, konsep ibadah itu luas dan mencakupi sebarang pekerjaan yang baik, selagi mana tidak bercanggah dengan hukum agama. Pengertian ibadah seharusnya diperkuatkan dengan prinsip berani hidup dan bukan berani mati yang sia-sia. Bila sudah mati, maka perjuangan ikut berakhir, tetapi selagi hidup, perjuangan dapat diteruskan.

10. Sesungguhnya saya melihat ada dua tunjang utama yang di bawa menerusi Islam Hadhari:

- I. Transformasi Pemikiran berpaksikan Ilmu pengetahuan.
- II. Budaya dan gaya kerja terkini yang cemerlang.

Transformasi pemikiran berlandaskan paksi ilmu pengetahuan

11. Sememangnya, penguasaan ilmu satu ketika dahulu dipelopori oleh orang Islam. Tahap pengetahuan dan kemahiran cerdik pandai Islam dengan penggunaan akal yang maksimum telah menyebabkan dunia barat terpegun dan mengakui kehebatan tamadun Islam seperti mana agungnya kota Cordova. Namun dek kerana sikap dan sifat leka serta merasai diri sudah kuat, semakin hari umat Islam semakin lemah dan lumpuh. Umat Islam sudah tidak lagi cenderung ke arah penguasaan ilmu. Hakikatnya, umat Islam kini mundur kerana mereka hilang motivasi serta mengabaikan sunnah alam yang terbukti bahawa alam hanya boleh terus dikuasai dengan ilmu. Lantaran itu, barat telah berjaya muncul sebagai tamadun baru yang cemerlang, kerana mereka mampu mematuhi Sunah alam dengan ilmu yang mereka garap.

Tuan-tuan dan puan-puan,

12. Gagasan Islam Hadhari kembali meletakkan ilmu pengetahuan dan usaha-usaha percambahan pemikiran di tempat yang tinggi. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada semua umat Islam amnya dan para cerdik pandai khususnya supaya menjadi peneraju ke arah transformasi pemikiran ini. Adalah amat penting bagi kita keluar dari kepompong yang membelenggu kita dengan nilai-nilai negatif. Ia hanya menjadikan kita mundur dan terkebelakang. Sebagai umat Islam di Malaysia, kita perlu bersyukur kerana kerajaan berusaha dengan kuat untuk melihat umat Islam mampu bergerak seiring dengan orang lain yang maju di dunia ini. Transformasi pemikiran inilah yang digagaskan oleh YAB Perdana Menteri sebagai mewujudkan modal insan bermentaliti kelas pertama.

13. Sebagai contoh, ajaran Islam terutamanya dalam kaedah perhukuman amat menggalakkan proses percambahan pemikiran melalui satu instrumen yang dinamik iaitu ijtihad. Indahya di sini, ketajaman minda dan pengalaman kehidupan manusia sebagai makhluk Allah diberi tempat yang utama dalam menentukan perjalanan dunia tanpa terpesong daripada asas Al-Quran dan Sunnah. Hadis sahih Riwayat Muslim menyebut bahawa "Kamu lebih mengetahui tentang urusan dunia kamu".

14. Seperti yang disabdakan dalam hadis tersebut, pelbagai urusan dunia yang terkini menuntut kepada penyelesaian yang juga bersifat kontemporari. Instrumen ijtihad menjadi kaedah hukum yang amat praktikal dan telah memberi sumbangan yang besar dalam sejarah perkembangan dunia Islam.

Analogi

a) Hadis menyebut bahawa serendah iman (usaha/amalan yang baik) itu membersihkan duri di jalan. Tuntutan semasa pula memberi maksud bahawa menyediakan kemudahan seperti jalan raya (oleh pihak berwajib) untuk orang ramai itulah usaha yang baik.

b) Rasulullah SAW menyeru supaya diajar anak-anak dengan ilmu menunggang kuda, memanah dan berenang. Dalam maksud semasa ia membawa erti lengkapkanlah anak-anak dengan ilmu dan teknologi semasa seperti komputer serta dunia ICT. Ia juga bermaksud sebagai satu persiapan memahirkan diri dengan ilmu-ilmu ketenteraan dan peralatan yang canggih dalam konteks semasa.

c) Di dalam Al-Quran, Allah SWT memberi maklumat secara umum bahawa besi itu adalah bahan yang bermanfaat kepada manusia [surah Al-Hadid (besi) 57:25]. Makanya, manusia perlulah menggunakan akal dalam mencipta alatan keperluan berasaskan besi. Lantaran, terhasillah jutaan barangan yang membawa manfaat kepada manusia.

d) Cerita-cerita Al-Quran seperti nabi Allah Yunus yang hidup dalam perut ikan NUN menjadi ilham kepada penciptaan kapal selam.

15. Hakikatnya, maklumat dan panduan dalam Al-Quran dan sunnah kekal sebagai asas ajaran Islam yang suci. Konsep Islam Hadhari menjadi penggalak proses pencambahan pemikiran dan menyemarakkan roh Islam sebagai cara hidup yang dinamik.

Budaya dan gaya kerja cemerlang

16. Apabila telah wujud satu bentuk pemikiran yang betul dan dinamik, ia akan menuju kepada satu budaya dan gaya kerja yang cemerlang. Islam Hadhari mengajak umat Islam menjadi umat yang berketerampilan dan berdaya maju serta berdaya saing melalui beberapa amalan seperti:

17. Yang pertama, budaya dan gaya kerja cemerlang masyarakat menuntut kepada ketangkasan kerja dalam melakukan sesuatu. Ini kerana dalam arus globalisasi yang serba mencabar, kita tidak boleh lagi menerima gaya bekerja yang lembap dan mandom. Sebaliknya, laksanakanlah sebarang tugasan dengan berkesan dan penuh efisien. Itulah yang dituntut oleh agama Islam.

18. Yang kedua, budaya dan gaya kerja cemerlang masyarakat menerapkan budaya ketepatan (precision culture) dalam melakukan sesuatu. Ini bermaksud setiap langkah kerja kita perlulah mencapai tahap piawaian yang tertinggi sehingga mendapat pengiktirafan antarabangsa.

19. Yang ketiga, budaya dan gaya kerja cemerlang masyarakat Islam Hadhari mementingkan kepada keberhasilan dalam setiap usaha kita (result –and performance-oriented). Dalam kata lain, tiada gunanya kita bekerja dengan pantas dan jitu, seandainya matlamat yang dirancang tidak mencapai sasaran yang diinginkan.

20. Sesungguhnya, konsep Islam Hadhari yang kita anjurkan adalah satu pemikiran semula dan pendekatan pembaharuan (Tajdid) yang amat mustahak dalam rangka kita memartabatkan dan mengembalikan maruah umat Islam. Gagasan Islam Hadhari adalah usaha mengubah semula persepsi umat Islam yang hanya boleh dibangunkan dengan ilmu dan dibina tamadunnya.

21. Tanpa berhasrat mahu membanggakan diri, hakikat yang ada kini menunjukkan bahawa umat Islam di Malaysia secara umum sudah mula berubah. Alhamdulillah kita telah berjaya mengurus Malaysia moden dan membangunkannya sejajar dengan kehendak dan tuntutan Islam walaupun masyarakat kita masyarakat majmuk. Barangkali dengan sedikit pengalaman ini bolehlah kita berkongsi fikiran, tenaga dan kemahuan untuk mencetuskan satu lagi kebangkitan semula umat seperti yang pernah dicapai oleh zaman keagungan dan kegemilangan dunia Islam dahulu.

Tuan-tuan dan puan-puan,

22. Demi mengembalikan zaman keagungan silam mengikut cara Malaysia, pendekatan mewujudkan masyarakat Islam Hadhari adalah paling tepat. Jika umat Islam menghayati kefahaman Islam melalui pendekatan Islam Hadhari, tidak ada sebab Malaysia tidak boleh menjadi negara Islam maju pada tahun 2020.

Dengan lafaz "Bismillahirrahmanirrahim" saya merasmikan Konvensyen Islam Hadhari Peringkat Kebangsaan 2006.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.